

NEWS CLIPPING

EVENT	Get Aktif With Smurfs Tawar Hadiah RM50,000
PUBLICATION	Harian Metro
PAGE/SECTION	69/Bisnes
DATE	24 March 2017
TIME	-

Get Aktif With Smurfs tawar hadiah RM50,000

Kuala Lumpur: 7-Eleven Malaysia menawarkan inisiatif terbaru kepada pelanggan setianya iaitu peraduan foto dalam talian Get Aktif With Smurfs dengan hadiah bernilai sehingga RM50,000 untuk dimenangi.

Pengurus Besar Pemasaran 7-Eleven Malaysia Holdings Bhd, Ronan Lee berkata, peraduan itu terbuka kepada semua pelanggan 7-Eleven yang bermula sekarang sehingga 1 Mei 2017.

"Pelanggan dikehendaki membeli rangkaian produk air jenama Aktif 7-Eleven sama ada air mineral atau air minuman dengan pembelian minimum RM5 dalam satu resit.

"Kolaj resit itu dengan foto kreatif bertemakan warna biru dan poskan secara terbuka di laman sosial Facebook atau Instagram pribadi dengan hashtag #AktifSmurfs dan #7Eleven



LEE (kanan) dan Choi (tengah) menunjukkan minuman produk Aktif.

MV," katanya.

Menurutnya, peserta boleh meningkatkan peluang mereka memenangi peraduan itu dengan menghantar lebih

banyak penyertaan.

"Pemenang dengan penyertaan paling kreatif bakal memenangi hadiah pelancangan tujuh hari enam

malam ke Belgium dan Amsterdam termasuk lawatan ke Smurfs Museum of Brussels bernilai sehingga RM20,000.

"Setiap 100 penyertaan terbaik seterusnya setiap satu akan menerima Limited Edition Scooter daripada Smurfs: The Lost Village bernilai RM300 setiap satu," katanya.

Sementara itu, Pengurus Pemasaran Sony Pictures Malaysia, Catherine Chai berkata, pihaknya gembira dapat bekerjasama dengan rantaian kedai serbaneka nombor satu negara itu untuk meraikan filem Smurfs: The Lost Village yang akan ditayangkan di pawagam di seluruh negara pada 6 April depan.

"Kaitan Smurfs dengan gaya hidup Aktif amat berseesuaian kerana slogan hidup Smurfs adalah sentiasa gembira dan sihat," katanya.

Untuk maklumat lanjut mengenai terma dan syarat peraduan boleh layari laman web www.7eleven.com.my atau Facebook di [7ElevenMalaysia](https://www.facebook.com/7ElevenMalaysia).